



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

MODUL SKUAD WAJA

SEKALUNG BUDI

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam sumbangan idea dan pandangan sehingga Modul Skwad WAJA ini diterbitkan bagi dimanfaatkan oleh masyarakat. Mereka adalah terdiri daripada;

PENASIHAT

Dr. Zurina Binti Abdul Hamid

PAKAR RUJUK

Dr Faridah Awang
Dr. Fazni binti Mat Arifin

JAWATAN KUASA PEMBANGUNAN MODUL

YM Dr. Raja Kamariah Raja Mohd Khalid
Puan Iliana binti Yussof
Puan Aisa Azira binti Abdul Aziz
Cik Kavaramma A/P Subramaniam
Puan Marhaini binti Abu Bakar
Puan Nooratika binti Zainal
Puan Azzyati binti Mat Zam
YM Tengku Amirul Azran bin Tengku Ahmad
Puan Siti Nur Ain binti Md Johari
Cik Siti Nur Ilyia binti Mamat
Encik Kee Jia Hong



Hak cipta dan cetakannya adalah terpelihara.

Cetakan pertama 2021

Diterbitkan Oleh :

Bahagian Pembangunan Psikologi
Jabatan Pembangunan Wanita
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan
Masyarakat

ISBN : 978-967-44158
Telefon : 03-8323 1000
Fax : 03-8323 2035
Laman web : <https://www.jpw.gov.my/e-book/>





SEKAPUR SIREH

**Menteri
Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Salam Sejahtera, dan Salam Malaysia Prihatin

Menangani keganasan terhadap wanita menerusi pemerksaan komuniti melalui aktiviti psikososial merupakan komitmen dan usaha berterusan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang tidak pernah bernoktah. Sesungguhnya keganasan terhadap wanita merupakan pencabulan hak asasi manusia dan penghalang kepada kesaksamaan gender. Menyedari hakikat ini, Skwad WAJA ditubuhkan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif dan harmoni kepada pembangunan wanita dalam semua aspek termasuk kesejahteraan emosi dan kesihatan mental ke arah Malaysia yang sejahtera.

Tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Institut Sosial Malaysia (ISM) serta semua yang terlibat dalam penerbitan Modul Skwad WAJA. Saya percaya modul ini mampu menjadi panduan ke arah melatih dan melahirkan lebih ramai sukarelawan yang menyertai Skwad WAJA, agar matlamat dan hala tuju kita sehaluan.

Saya berharap melalui penerbitan Modul Skwad WAJA ini, para Skwad WAJA khususnya di peringkat komuniti dapat menerima manfaat melalui pelaksanaannya terutamanya untuk menghentikan sebarang bentuk jenayah dan keganasan terhadap wanita di samping memberikan ilmu dan kemahiran psikososial dalam meningkatkan keseimbangan sendiri, keluarga, komuniti setempat dan masyarakat secara holistik.

Wanita Waja Negara,
Wanita Bangkit Mendepani Cabaran.

Sekian, terima kasih.

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN



SEULAS PINANG

**Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana limpah kurnia dan izinNya Modul Skwad WAJA ini dapat diterbitkan untuk dimanfaatkan kepada golongan wanita khususnya di peringkat akar umbi dalam melahirkan komuniti yang harmoni melalui pendekatan keseimbangan psikologi. Saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas usahasama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) dan Institut Sosial Malaysia (ISM), kerana berjaya menerbitkan naskah Modul Skwad WAJA ini yang mana penerbitan ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan komuniti yang harmoni dan sejahtera dalam semua aspek termasuk dalam usaha meningkatkan keseimbangan sendiri, keluarga, komuniti setempat dan akhirnya masyarakat keseluruhannya.

Penerbitan Modul Skwad WAJA ini diharapkan dapat dijadikan bahan rujukan kepada semua pihak dalam usaha meningkatkan kemahiran dan kesedaran terhadap wanita agar menjadi wanita yang lebih bijak dan *resilience* dalam aspek kesejahteraan psikologi. Seiring dengan aspirasi kerajaan melalui Dasar Kesihatan Mental Negara yang ingin melahirkan masyarakat yang seimbang dan sihat dari segi psikologi, memberikan penekanan terhadap promosi kesihatan mental dan pencegahan masalah-masalah psikososial, Modul Skwad WAJA telah dihasilkan yang mengandungi maklumat dan rujukan terbaik kepada semua kumpulan sasaran Kementerian terutamanya golongan wanita.

Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat kerana telah berjaya melahirkan Modul Skwad WAJA ini. Diharap dengan adanya modul ini, dapat dimanfaatkan oleh semua golongan wanita samada di peringkat komuniti mahupun di peringkat agensi dan organisasi dalam melahirkan masyarakat yang berilmu dan mempunyai kesedaran seterusnya mencapai keseimbangan dalam kehidupan.

Sekian, terima kasih.

DATO' DR. JUNAIDAH KAMARRUDDIN



KATA ALU-ALUAN

**Ketua Pengarah
Jabatan Pembangunan Wanita**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Perkembangan sesebuah negara amat bergantung kepada keseimbangan kesihatan psikologi komuniti. Sebagai Jabatan yang memainkan peranan penting dalam menjaga kesejahteraan wanita, elemen psikologi merupakan faktor penting bagi memastikan keluarga dan masyarakat dapat berfungsi secara optimum. Syukur ke hadrat Allah kerana akhirnya Modul Skuad WAJA ini dapat diterbitkan hasil dari sumbangan dan pandangan bernas berdasarkan pengalaman dan kepakaran masing-masing dalam bidang ini. Terima kasih dan tahniah kepada Institut Sosial Malaysia (ISM) kerana turut sama berganding bahu bersama Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) merealisasikan penerbitan modul ini.

Di dalam konteks yang lebih jauh, Modul Skuad WAJA ini juga diharapkan memberi panduan kepada semua betapa pentingnya usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan khususnya terhadap wanita. Semoga usaha ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan komuniti khususnya dalam meningkatkan kesedaran dan bersama-sama berusaha menghentikan sebarang bentuk jenayah bagi melahirkan individu, masyarakat dan negara yang sejahtera.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas segala komitmen serta kerjasama semua pihak dalam menyiapkan penerbitan Modul Skuad WAJA ini. Semoga Modul Skuad WAJA ini dapat memberi manfaat dan impak yang positif khususnya dalam penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasaran Jabatan agar dapat melahirkan wanita yang bukan sahaja mempunyai kesedaran dari aspek kesedaran jenayah dan kesihatan psikologi malah berjaya mencapai keseimbangan dalam kehidupan.

Sekian, terima kasih.

DR. ZURINA ABDUL HAMID

KANDUNGAN

PERKARA

Sekapur Sireh	i
Seulas Pinang	ii
Kata-kata Aluan	iii
Kandungan	iv
Pengenalan Skwad WAJA	1 – 3

MUKA SURAT

BAHAGIAN I

E.A.R.S		
Slot 1	Pengenalan E.A.R.S Skwad WAJA	4 – 11
Slot 2	Pengenalan Asas Memahami Personaliti Manusia	12 – 14 8 – 19
Slot 3	Pengurusan Minda Sihat	15 – 17
Slot 4	Etika Kerja Kesukarelawananan	18 – 19
Rumusan		20 – 21

BAHAGIAN II

Wanita Anti-Jenayah (WAJA)		
Slot 1	Pengenalan WAJA	22 – 24
Slot 2	Peranan Gender Dalam kehidupan Wanita	25 – 28
Slot 3	Gangguan Seksual	29 – 31
Slot 4	Antipemerdagangan Orang	32 – 34
Slot 5	Jenayah Cyber	35 – 36
Slot 6	Keldai Dadah	37 – 40
Slot 7	Rogol dan Cabul	41 – 43
Penutup	Keganasan Rumah Tangga	44 – 46
Lampiran		47 48
	Senarai Semak Kendiri E.A.R.S.	49 – 51
	Ujian DASS21	52 – 53
	Borang Pelaporan Aktivii E.A.R.S	54 – 56
Poster		57 – 60
Lirik Lagu Skwad Waja		61 – 62
Rujukan		63



PENGENALAN SKUAD WAJA

PENGENALAN SKUAD WAJA

WAJA bermaksud Wanita Anti Jenayah adalah program bagi meningkatkan kesedaran seluruh masyarakat dunia untuk mengambil tindakan bagi menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita. Isu keganasan terhadap wanita berlaku di dalam mana-mana negara di dunia melangkaui batas sempadan, agama, bangsa dan budaya.

Berdasarkan petikan daripada Ban Ki-Moon, mantan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), keganasan terhadap wanita merupakan pencabulan hak asasi dan penghalang kepada kesaksamaan gender. Justeru, keganasan terhadap wanita merupakan isu yang perlu ditangani kerana ia menjejaskan kemajuan dan kesejahteraan wanita.

Bagi memperhebatkan kempen ini dan memenuhi tuntutan perjanjian diperingkat antarabangsa, maka JPW telah mewujudkan Skwad WAJA.

Skuad WAJA adalah bertujuan untuk memperkasakan komuniti melalui psikososial dan aktiviti dalam komuniti khususnya wanita bagi meningkatkan kesedaran tentang isu-isu jenayah. Skwad WAJA juga berperanan memberi panduan kepada masyarakat tentang pentingnya usaha menghentikan sebarang bentuk keganasan terhadap wanita.

OBJEKTIF

Objektif dalam pelaksanaan program ini adalah untuk:

- 1) Menjadi agen WAJA (menangani keganasan terhadap wanita) dalam komuniti;
- 2) Memperkasa komuniti melalui aktiviti psikososial dalam menangani isu keganasan;
- 3) Membantu dalam membina sebuah masyarakat yang harmoni.

PERANAN SKUAD WAJA

Peranan Skwad WAJA ialah untuk menggunakan kemahiran yang di latih, iaitu E.A.R.S dan WAJA dalam komuniti. Skwad WAJA juga mematuhi nilai dan etika sebagai seorang sukarelawan iaitu:

- i) Menggunakan kemahiran E.A.R.S dan pastikan mematuhi nilai dan etika sebagai seorang sukarelawan;
- ii) Menerapkan amalan positif dalam diri, keluarga dan komuniti agar menjadi contoh teladan yang baik;
- iii) Membuat rujukan pakar hospital kerajaan atau mana mana agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sekiranya individu yang dibantu memerlukan bantuan segera.





PENGENALAN E.A.R.S

PENGENALAN E.A.R.S SKUAD WAJA

Kesejahteraan psikologi adalah satu aspek penting dalam kualiti kehidupan manusia. Manusia yang sejahtera adalah mereka yang mempunyai emosi yang positif dan bijak mengendalikan tekanan yang dihadapi. Oleh yang demikian, E.A.R.S diwujudkan sebagai panduan kepada Skwad WAJA untuk menguasai ilmu psikologi agar dapat diaplikasikan di peringkat akar umbi.

Pendekatan E.A.R.S akan memberi pendedahan kepada Skwad WAJA khususnya yang terlibat di dalam program sukarelawan, berkaitan kaedah terbaik dalam melaksanakan proses pertolongan dan bimbingan.

Terdapat empat (4) aspek utama telah dikenal pasti dalam proses membantu iaitu Empati (Empathy), Atensi (Attention), Respon (Response) dan Sokongan (Support). Keempat-empat elemen bantuan ini adalah sangat penting dan mudah untuk diaplikasikan oleh setiap Skwad WAJA.

- (i) Empati adalah keupayaan individu atau proses kognitif dalam memahami seseorang dari sudut pandangan individu tersebut.
- (ii) Atensi atau perhatian pula adalah keaktifan jiwa yang diperlukan untuk memusatkan konsentrasi kepada isu yang dikongsi.
- (iii) Respon digunakan untuk menjelaskan suatu hal yang dicetuskan dalam terjadinya respon tertentu, dan berbentuk gerak balas atau tingkah laku.
- (iv) Sokongan iaitu sokongan sosial yang merupakan kesamarataan maklumat yang mendorong individu mempercayai bahawa mereka dijaga, dihargai dan disayangi.

Selain empat (4) elemen di atas, pendekatan E.A.R.S ini akan mudah dilaksanakan dengan menggunakan lima (5) kitaran utama dalam proses membina keyakinan kepada mereka yang memerlukan bantuan. Kemahiran tersebut ialah kemahiran mendengar, kemahiran menenangkan, kemahiran meningkatkan jaringan, kemahiran memeriksa dan kemahiran merujuk. Kemahiran ini akan menjadi pemangkin kepada para sukarelawan untuk mengaplikasikan proses membantu dan menolong dalam kalangan kumpulan sasaran masing-masing atau pun dalam kalangan komuniti.



Kesimpulannya, Skwad WAJA yang mempunyai kemahiran E.A.R.S di atas akan mampu menguruskan emosi dengan bijak dan berkesan. Bahkan, akan dapat memberikan kesan kepada keluarga, seterusnya komuniti dan akhirnya melahirkan masyarakat yang sejahtera dari aspek psikologi dan cemerlang dalam kehidupan.

OBJEKTIF E.A.R.S SKUAD WAJA

Modul E.A.R.S ini diharapkan dapat mencapai objektif seperti berikut:

- i. Menggalakkan perkongsian masalah dan cabaran kehidupan secara betul dan selamat.
- ii. Meningkatkan kemahiran psikologi khususnya kemahiran empati dalam diri individu.
- iii. Memperkasakan kemahiran daya tindak yang berkesan dalam kalangan rakan sebaya.
- iv. Membina semangat sukarelawan dalam kalangan komuniti yang beretika.

RINGKASAN E.A.R.S SKUAD WAJA

Slot 1: Pengenalan asas tentang personaliti manusia di dalam bertindak balas (response) terhadap cabaran dan permasalahan harian

Slot 2: Pendedahan terhadap beberapa kemahiran psikologi (E.A.R.S) dengan latihan simulasi

Slot 3: Pemeraksanaan lima (5) kemahiran asas kitaran menolong di dalam proses membantu serta latihan simulasi

Slot 4: Etika kerja Kesukarelawan




PENGISIAN E.A.R.S

SLOT 1: PENGENALAN E.A.R.S

Pendedahan terhadap beberapa kemahiran psikologi (E.A.R.S) dengan latihan simulasi

TAJUK	Pengenalan E.A.R.S
MASA	Mengikut kesesuaian
TUJUAN	Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran psikologi dalam proses menolong.
HASILAN	Di akhir sesi, pelatih dapat mengetahui konsep E.A.R.S dan boleh mengaplikasikan dalam kehidupan seharian khususnya dalam proses menolong.
SIPNOSIS	Penerangan tentang konsep E.A.R.S dalam proses menolong: a. Menunjukkan empati (<i>Empathy</i>) b. Memberikan atensi (<i>Attention</i>) c. Memberi respon (<i>Response</i>) d. Menunjukkan sokongan (<i>Support</i>)
	Simulasi bagi setiap konsep E.A.R.S
	Memberi pendedahan terhadap kemahiran mendengar dengan betul.
KAEDAH / AKTIVITI	<ul style="list-style-type: none">• Ceramah secara interaktif dengan pelatih• Sesi simulasi

E.A.R.S dibangunkan berdasarkan kepada empat elemen utama dalam proses membantu iaitu:



Empati:

Empati adalah penting dalam proses pertolongan dan bantuan. Zoll dan Enz (2012) menerangkan bahawa empati adalah keadaan di mana seseorang boleh memahami keadaan orang lain dari perspektif yang berbeza, secara kognitif (pemikiran) dan juga efektif (perasaan). Elemen ini perlu diutamakan di dalam Modul E.A.R.S kerana dengan mempunyai kemahiran empati, seseorang boleh mengurangkan prejudis atau persepsi negatif kepada klien / orang yang memerlukan bantuan (Kinman & Grant, 2016).

Atensi:

Atensi atau attention juga merupakan elemen utama kerana seseorang sukarelawan harus berupaya untuk memberikan atensi kepada klien / orang yang memerlukan bantuan, khususnya untuk meneroka keluhan dan permasalahan atau kesulitan yang sedang di hadapi. Cabaran yang dilalui oleh setiap individu tidak sama maka, seseorang sukarelawan perlu mampu untuk memberikan perhatian dan bertanya soalan (Ivey & Ivey, 2003) yang sesuai dengan penceritaan klien / orang yang memerlukan bantuan tersebut.

Respon:

Memberi respon adalah penting di dalam proses pertolongan dan membantu. Seorang sukarelawan harus bijak memberi respon positif dan membangun kepada klien / mereka yang memerlukan bantuan. Menurut Swan dan McCarthy (2013), memberi respon merupakan suatu kemahiran yang sangat perlu khususnya bagi melihat keberkesanan dalam proses membantu kerana dengan memberi respon yang positif, dapat mengembalikan semangat kepada klien / orang yang memerlukan bantuan agar lebih positif.

Sokongan:

Memberi sokongan kepada klien / orang yang memerlukan bantuan adalah salah satu kaedah di mana mereka tidak bersendirian di dalam menghadapi cabaran di dalam kehidupan. Kemahiran memberi sokongan inilah yang sebenarnya di perlukan oleh mereka yang sedang menghadapi cabaran dalam kehidupan. Dengan sokongan dari sukarelawan sekurang-kurangnya klien / orang yang memerlukan bantuan dapat meningkatkan keyakinan diri dan daya tahan agar mereka berusaha untuk keluar dari kepompong permasalahan (Southwick, Vythilingam & Charney, 2005).

Berdasarkan aspek di atas, maka slot di dalam E.A.R.S Skwad WAJA ini haruslah merangkumi elemen yang dinyatakan agar dalam membina semangat kesukarelawan yang positif dan berkemampuan untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan.

SLOT 2: MEMAHAMI PERSONALITI MANUSIA

Pengenalan asas memahami personaliti manusia di dalam bertindakbalas (response) terhadap cabaran dan permasalahan harian

TAJUK	PENGENALAN ASAS MEMAHAMI PERSONALITI MANUSIA
MASA	Mengikut kesesuaian
TUJUAN	Memberi pendedahan dan pemahaman mengenai bagaimana seseorang memberi respon terhadap masalah yang dihadapi.
HASILAN	Di akhir sesi pelatih faham bahawa setiap manusia akan memberi respon/tindakbalas yang berbeza terhadap masalah yang dihadapi. Oleh itu kemahiran mengendalikan setiap isu juga berbeza.
PENGISIAN	Pengenalan kepada personaliti Manusia <ul style="list-style-type: none">- Menggunakan ujian personaliti bagi sesi interaktif dengan pelatih dan memahami bahawa personaliti manusia berbeza.- Penggunaan ujian psikologi adalah digalakkan. Contoh ujian psikologi yang boleh digunakan ialah seperti Kiersey, Personaliti Warna dan sebagainya.

	<p>Perubahan emosi dan fizikal apabila berhadapan dengan masalah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menerangkan perubahan fizikal dan emosional apabila seseorang menghadapi masalah seperti tanda-tanda stress (tekanan) atau depress (tertekan) boleh dijelaskan dengan perinci.
	<p>Memberi pendedahan tentang konsep psikologi positif dan resiliensi</p>
KAEDAH / AKTIVITI	<ul style="list-style-type: none"> • Ceramah secara interaktif dengan pelatih • Sesi simulasi

Setiap manusia mempunyai cara tersendiri dalam mengendalikan cabaran di dalam kehidupan. Apa yang membeza tindakan seseorang terhadap kehidupan yang dilalui ialah bergantung kepada tindak balas terhadap situasi respon yang diberikan (Schultz & Schultz 2009).

Oleh sebab itulah adakalanya situasi cabaran yang sama, tetapi ada yang mampu menghadapinya dengan baik, manakala ada yang mudah putus asa lalu mengambil jalan pintas terhadap penyelesaian permasalahan tersebut.

Adalah penting di dalam Modul E.A.R.S ini untuk mendedahkan jenis personaliti manusia paling asas agar sukarelawan lebih memahami apa yang menyebabkan tahap tindakbalas pada cabaran adalah berbeza bagi setiap individu.

Perubahan emosi juga mempengaruhi seseorang yang dilanda cabaran. Oleh itu, Modul E.A.R.S juga menitikberatkan aspek kecerdasan emosi. Kecerdasan emosi penting kerana ia melibatkan kemampuan untuk memantau dan mengendalikan perasaan diri sendiri serta menggunakan perasaan tersebut untuk mengawal fikiran dan tindakan sendiri (Salovey, Mayer & Caruso, 2000).

Selain itu, aspek resilien seseorang juga memainkan peranan penting. Al Siebert (2004) sebagai contoh, melihat resilien ini sebagai kemampuan seseorang untuk bangkit semula setelah melalui cabaran dalam kehidupan.

Bahkan, di dalam aspek resilien ini, keupayaan untuk menyusun atur strategi, meningkatkan kepercayaan diri serta daya tahan yang kuat dapat membuatkan seseorang itu keluar dari cabaran tersebut malah mencipta positifiti dalam kehidupan.

Aspek/Dimensi Resiliensi
(Modified Connor Davidson Resilience Scale, Dong dkk, 2013)

- Elakibiliti untuk berdepan dengan cabaran
- Salonnan Lingkungan Sosial
- Kekuatan Spiritual (SQ)
- Tujuan Jelas tentang Kehidupan

Resiliensi:
"Kemampuan seseorang untuk menilai, mengatasi, dan meningkatkan diri ataupun mengubah dirinya dari kesengsaraan dalam hidup. Kerana setiap orang itu pasti mengalami kesulitan ataupun sebuah masalah dan tidak ada seseorang yang hidup di dunia tanpa suatu masalah" Grotberg (1995)

SLOT 3: PENGURUSAN MINDA SIHAT

Pemeriksaan lima (5) kemahiran asas kitaran menolong di dalam proses membantu serta latihan simulasi.

TAJUK	PENGURUSAN MINDA SIHAT
MASA	Mengikut kesesuaian
TUJUAN	Meningkatkan celik akal dan daya tindak kepada pelatih sekiranya menghadapi cabaran. Aplikasi Ujian DASS.
HASILAN	Di akhir sesi, pelatih dapat mengetahui kepentingan jaringan komunikasi serta tindakan yang betul di dalam menghadapi sebarang kemungkinan sepanjang kehidupan.
SIPNOSIS	Memberi latihan kepada pelatih mengenai kaedah terbaik di dalam proses: i. Mendengar (<i>Listen</i>) ii. Menenangkan (<i>Console</i>) iii. Membuat hubungan (<i>Connect</i>) iv. Memeriksa (<i>Check</i>) v. Merujuk (<i>Refer</i>)
	Membuat latihan simulasi terhadap 5 kemahiran di atas
	Memberi pendedahan sumber yang boleh memberi bantuan lanjut seperti hospital, OSCC, Talian Kasih 15999, JKM- Kaunselor Berdaftar, LPPKN dan sebagainya.
KAEDAH / AKTIVITI	<ul style="list-style-type: none">• Ceramah secara interaktif dengan pelatih• Sesi simulasi

Di dalam proses membantu, aspek minda sihat amat penting. Ini adalah bertujuan untuk melihat sama ada klien / individu yang ingin di bantu mendapat bantuan dari pihak yang sewajarnya. Oleh itu, aplikasi Ujian DASS-21 amat penting. Ujian tersebut boleh dilakukan secara dalam talian, atau melalui ujian bertulis (Rujuk Lampiran).

Selain itu, E.A.R.S juga memberi penekanan terhadap beberapa perkara yang perlu dilakukan oleh seorang sukarelawan melalui kaedah lima (5) perkara iaitu;

- i) Mendengar – bermaksud kemahiran mendengar dengan teliti dan berminat amat penting dalam proses membantu ini.
- ii) Menenangkan – bermaksud keupayaan untuk menenangkan keadaan sekiranya klien / orang yang ingin di bantu berada dalam keadaan panik.
- iii) Membuat hubungan – bermaksud memastikan bahawa sukarelawan dan klien / orang yang ingin di bantu dalam 'radar' agar mudah untuk membuat tindakan susulan.
- iv) Memeriksa – bermaksud sukarelawan perlu melakukan sedikit kajian mengenai kes yang sedang dibantu. Ini termasuklah melihat tahap keseriusan isu yang dibawa sama ada 'genuine' atau sebaliknya.

- iv) Merujuk – bermaksud sukarelawan perlu tahu agensi lain untuk dirujuk khususnya kes yang melibatkan perlunya perkhidmatan pakar seperti doktor, psikiatris, psikologis mahupun kaunselor berdaftar.



SLOT 4: ETIKA KERJA KESUKARELAWANAN

Memahami etika kerja kesukarelawan.

TAJUK	ETIKA KERJA KESUKARELAWANAN
MASA	Mengikut kesesuaian
TUJUAN	Memahami etika (adab) kerja kesukarelawan
HASILAN	Di akhir sesi, pelatih dapat mengetahui, memahami dan menghayati etika (adab) kerja kesukarelawan.
SIPNOSIS	Memberi penerangan kepada pelatih mengenai etika kerja kesukarelawan melalui tayangan video. Pelatih diminta membuat refleksi sebelum dan selepas tayangan
	Menerangkan etika utama yang perlu diberi penekanan dalam kerja kesukarelawan
	Membuat simulasi terhadap elemen etika yang bersesuaian (jika masa mencukupi)
KAEDAH / AKTIVITI	<ol style="list-style-type: none">1. Tayangan video2. Ceramah secara interaktif dengan pelatih3. Sesi simulasi (jika masa mencukupi)

Ini adalah asas kepada aspek kesukarelawan. Beberapa perkara yang perlu diberi perhatian ialah berkaitan dengan etika kerja sebagai seorang sukarela. Ini termasuklah elemen utama seperti:

- i) Memahami setiap manusia adalah unik
- ii) Mengutamakan amalan kerahsiaan
- iii) Menjaga emosi (*Non-Emotional*)
- iv) Memastikan tidak menghukum (*Non-Judgemental*)
- v) Menerima sesuatu seadanya (*Acceptance*)
- vi) Mengamalkan sikap tidak diskriminasi
- vii) Memastikan sikap keterbukaan sentiasa diamalkan



RUMUSAN E.A.R.S

RUMUSAN

E.A.R.S merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam membantu rakyat mencapai keseimbangan mental dengan memberi pendedahan kepada individu dan sukarelawan, khususnya wanita berkaitan kaedah terbaik untuk menangani masalah kesihatan mental secara am dalam menjalankan kehidupan seharian.

Ia menekankan melaksanakan empat (4) aspek utama dalam proses membantu iaitu Empati (*Empathy*), Atensi (*Attention*), Respon (*Response*) dan Sokongan (*Support*) supaya sesiapa sahaja dapat membantu jaringan sosial mereka sendiri dengan tepat dan betul.

Secara tidak langsung, individu yang dilatih dengan kemahiran E.A.R.S boleh menjadi agen kerajaan dalam membantu mempromosikan kesihatan mental positif dalam kalangan masyarakat.

Penerangan terhadap proses E.A.R.S juga menggunakan pendekatan yang amat mudah dengan hanya memberi tumpuan terhadap lima (5) kitaran utama dalam membina keyakinan diri sendiri dan orang lain terutama kepada mereka yang memerlukan. Adalah penting untuk difahami bahawa setiap manusia akan memberi respon/tindakbalas yang berbeza terhadap masalah yang dihadapi.

Kesimpulannya, memahami bahawa setiap individu adalah unik dan kebijaksanaan dalam mengendalikan emosi adalah perkara yang ditekankan dalam E.A.R.S ini. Diharapkan dengan adanya E.A.R.S ini lebih ramai rakyat terutamanya wanita dapat mendokong sistem sokongan mental dikalangan masyarakat tanpa mengira latarbelakang dan struktur sosial.



**+ PENGENALAN
WANITA
ANTI-JENAYAH
(WAJA)**

PENGENALAN WANITA ANTI-JENAYAH (WAJA)

Secara umumnya, lebih 80% mangsa keganasan adalah terdiri dari wanita. Ketidakseimbangan kefahaman fungsi gender di dalam masyarakat adalah penyumbang kepada berlakunya keganasan terhadap wanita.

Masyarakat menganggap kaum lelaki sebagai pihak yang lebih dominan dalam semua aspek manakala wanita dianggap sebagai golongan yang lemah dan sentiasa ditindas sama ada dalam institusi kekeluargaan mahupun dalam masyarakat. Keadaan ini meletakkan wanita seolah olah sebagai objek atau mangsa jenayah.

Melihat kepada perkembangan negatif di atas, modul ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai isu-isu keganasan khususnya terhadap wanita untuk memastikan wanita tidak berterusan menjadi mangsa keganasan dan menjadikan wanita lebih bijak.

Oleh yang demikian, penghasilan modul ini adalah bertujuan sebagai sumber rujukan dan panduan dalam keupayaan meningkatkan literasi terhadap isu-isu wanita khususnya isu keganasan terhadap wanita.

OBJEKTIF

Program Seminar Wanita Anti Jenayah ini diadakan bagi mencapai objektif seperti berikut:

- i. Meningkatkan kesedaran dan mengukuhkan kefahaman di kalangan individu dan masyarakat tanpa mengira jantina mengenai isu keganasan terhadap wanita;
- ii. Meningkatkan dan menambah pengetahuan di kalangan wanita yang terdedah dengan ancaman menjadi mangsa keganasan; dan
- iii. Memberi dan menyebarkan maklumat kepada masyarakat tentang saluran aduan dan bantuan yang disediakan untuk mangsa.

RINGKASAN MODUL

- ✓ Peranan gender
- ✓ Gangguan seksual
- ✓ Anti pemerdagangan
- ✓ Jenayah siber
- ✓ Keldai dadah
- ✓ Rogol dan cabul
- ✓ Keganasan Rumah Tangga

PESERTA

Individu berumur 18 tahun ke atas dan yang berminat

JANGKA MASA

Seminar (Ikut kesesuaian)

METODOLOGI

Ceramah (Fizikal atau secara dalam talian)

PERALATAN

- ✓ LCD Projektor dan Komputer Riba

PENGISIAN 1

TAJUK	PERANAN GENDER DALAM KEHIDUPAN WANITA
MASA	Mengikut kesesuaian
TUJUAN	Memberi pendedahan dan pemahaman mengenai gender secara umum dan hak-hak wanita serta isu-isu yang berkaitan;
HASILAN	Di akhir sesi peserta faham definisi gender dan hak –hak wanita secara umum.
SIPNOSIS	<ul style="list-style-type: none">• Pengenalan terhadap gender• Kesamarataan gender• Stereotaip gender• Isu-isu berkaitan dengan gender
BAHAN	Nota sebagai rujukan
KAEDAH / AKTIVITI	<ul style="list-style-type: none">• Ceramah secara interaktif dengan peserta

PENGISIAN

Pengenalan terhadap gender.

Gender adalah perbezaan di antara wanita dan lelaki di dalam sesebuah budaya dan perbezaan ini memberi impak kepada:

- ✓ peranan
- ✓ tanggungjawab
- ✓ jangkauan
- ✓ Peluang
- ✓ keperluan
- ✓ persepsi

Gender sering dikelirukan dengan jantina, walau bagaimanapun jantina umumnya dirujuk kepada biologi dan automi struktur tubuh seperti:

- ✓ organ luaran jantina,
- ✓ organ dalaman jantina dan
- ✓ pembangunan wanita sekunder pada peringkat akil baligh.

Gender pula merujuk kepada:

- ✓ peranan dan jangkauan yang sering dikenal pasti sebagai faktor yang mengganggu hak kesamaan dan
- ✓ status wanita dengan kesan yang bertentangan yang mengesankan hidup, keluarga, status sosial ekonomi dan kesihatan.
- ✓ simbol budaya, struktur institusi dan imej-imej dalaman yang mentakrifkan peranan sifat kelakian dan kewanitaan serta meluahkan peranan tersebut melalui kuasa dalam perhubungan.

Kesamarataan Gender

- Membincangkan isu-isu berkaitan kedudukan, hak dan kewajipan kaum lelaki dan wanita.
- Memberi peluang kepada wanita dalam pelbagai sektor termasuklah dalam sektor ekonomi, politik, sosial, pendidikan, dan sebagainya.
- Pandangan kesamarataan gender dari aspek yang berbeza (seperti dari sudut budaya, agama dan peranan media)

Stereotaip Gender

- Memberi penjelasan kepada para peserta mengenai persepsi yang kuat dan bentuk keyakinan yang dimiliki oleh satu-satu gender berdasarkan kepada:
 - ✓ Karektor
 - ✓ ciri personaliti
 - ✓ Psikologi
 - ✓ dan sebagainya.
- Contoh aktiviti interaktif yang boleh dilakukan dalam sesi ini ialah dengan bertanyakan soalan seperti berikut:
 - ✓ Siapa menjaga anak-anak apabila mereka sakit dan jika ibubapa yang bekerja siapa yang akan mengambil cuti?
 - ✓ Peranan melakukan sesuatu kerja di rumah – siapa yang memasak, menggosok pakaian atau melipat pakaian? Atau mencuci kereta dan membaiki saluran paip yang rosak?

- ✓ Adakah lelaki dan perempuan sama-sama digalakkan melakukan kerja-kerja yang mencabar, terutama kerja-kerja yang memerlukan kemahiran teknikal?
- ✓ Bincangkan peranan media, penulis skrip dan pengarah drama/filem dan sebagainya dalam menghasilkan karya. Pilih satu atau dua drama yang menonjolkan wujudnya stereotaip gender.

Isu-Isu Berkaitan Dengan Gender

- o Wanita Dan Kemiskinan
- o Wanita, Pendidikan Dan Latihan
- o Wanita Dan Kesihatan
- o Kekerasan Terhadap Wanita
- o Wanita Dan Peperangan
- o Wanita Dan Ekonomi
- o Wanita Dan Kekuasaan Serta Membuat Keputusan
- o Mekanisma Memajukan Wanita
- o Hak Kemanusiaan Wanita
- o Wanita Dan Media
- o Wanita Dan Alam Sekitar
- o Kanak-Kanak Perempuan

PENGISIAN 2

TAJUK	GANGGUAN SEKSUAL
MASA	Mengikut kesesuaian
TUJUAN	Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kefahaman mengenai ciri-ciri gangguan seksual yang terdapat di persekitaran masyarakat dan cara-cara mengatasi atau mengurangkannya dari berleluasa serta mengetahui akta berkaitan.
HASILAN	Di akhir sesi, peserta dapat mengetahui dan memahami bagaimana untuk mengambil tindakan terhadap pelaku gangguan seksual dan terapi kepada mangsa.
SIPNOSIS	<ul style="list-style-type: none">• Definisi• Bentuk gangguan seksual<ul style="list-style-type: none">-Di tempat kerja-Di tempat awam• Impak kepada mangsa, masyarakat & organisasi• Terapi kepada mangsa• Undang-undang• Pencegahan• Pelaporan & agensi berkaitan
BAHAN	Nota ceramah sebagai rujukan
KAEDAH / AKTIVITI	<ul style="list-style-type: none">• Ceramah secara interaktif dengan peserta

Pengisian :

Pengenalan terhadap gangguan seksual.

- Gangguan seksual mengikut tafsiran Malaysia Code of Practice (1999)
- Akta Buruh (1955)
- Garis Panduan Pengendalian Kes Gangguan Seksual Di Tempat Kerja, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2018

Kategori gangguan seksual

- Di tempat kerja
- Di tempat awam

